



3 Januari 2017
3 January 2017
P.U. (A) 4

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERINTAH FI (TAMAN LAUT MALAYSIA) 2017

FEES (MARINE PARKS MALAYSIA) ORDER 2017



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA FI 1951

PERINTAH FI (TAMAN LAUT MALAYSIA) 2017

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 3 dan 10 Akta Fi 1951 [*Akta 209*], Yang di-Pertuan Agong membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Fi (Taman Laut Malaysia) 2017**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 3 Januari 2017.

Tafsiran

2. Dalam Perintah ini—

“Ketua Pengarah” ertinya Ketua Pengarah Jabatan Taman Laut Malaysia;

“Taman Laut Malaysia” ertinya mana-mana pulau yang ditubuhkan sebagai Taman Laut Malaysia di bawah Perintah Penubuhan Taman Laut Malaysia 1994 [*P.U. (A) 401/1994*].

Fi

3. (1) Fi yang ditetapkan dalam Jadual Pertama hendaklah dikenakan oleh Ketua Pengarah untuk kemasukan ke mana-mana Taman Laut Malaysia berkenaan dengan kategori pelawat yang dinyatakan dalam Jadual Pertama.

(2) Fi yang ditetapkan dalam Jadual Kedua hendaklah dikenakan oleh Ketua Pengarah berkenaan dengan aktiviti yang dinyatakan dalam Jadual Kedua yang dijalankan oleh seseorang di mana-mana Taman Laut Malaysia tertakluk kepada apa-apa undang-undang.

(3) Fi untuk kemasukan ke mana-mana Taman Laut Malaysia tidak dikenakan ke atas kategori yang dinyatakan dalam Jadual Ketiga jika dokumen yang mencukupi

ditunjukkan sebagai bukti pengenalan diri kepada pegawai Jabatan Taman Laut Malaysia yang bertugas di pintu masuk Taman Laut Malaysia.

Pembayaran fi

4. (1) Fi yang ditetapkan di bawah Perintah ini hendaklah kena dibayar kepada Ketua Pengarah.

(2) Semua fi yang dikutip di bawah Perintah ini hendaklah kena dibayar oleh Ketua Pengarah dan dimasukkan olehnya ke dalam Kumpulan Wang Amanah Taman Laut dan Rizab Laut yang ditubuhkan di bawah seksyen 10 Akta Acara Kewangan 1957 [Akta 61].

Peremitan

5. Ketua Pengarah boleh, menurut budi bicaranya dalam mana-mana hal tertentu, meremitkan keseluruhan atau sebahagian daripada mana-mana fi yang ditetapkan di bawah Perintah ini.

Pembatalan

6. Perintah Fi (Taman Laut Malaysia) 2003 [P.U. (A) 266/2003] yang disiarkan pada 17 Julai 2003 dibatalkan.

JADUAL PERTAMA

[Subperenggan 3(1)]

<i>Kategori Pelawat/Fi</i>			
<i>Pemegang MyKad</i>		<i>Bukan Pemegang MyKad</i>	
Dewasa kecuali warga emas 60 tahun dan ke atas	RM5.00	Dewasa kecuali warga emas 60 tahun dan ke atas	RM30.00

<i>Kategori Pelawat/Fi</i>			
<i>Pemegang MyKad</i>		<i>Bukan Pemegang MyKad</i>	
Kanak-kanak dari 6 hingga 12 tahun dan warga emas 60 tahun dan ke atas	RM2.00	Kanak-kanak dari 6 hingga 12 tahun dan warga emas 60 tahun dan ke atas	RM15.00
Orang kurang upaya	Percuma	Orang kurang upaya	Percuma

JADUAL KEDUA
[Subperenggan 3(2)]

<i>Bil.</i>	<i>Jenis Aktiviti</i>	<i>Kadar Fi</i>
1.	Berkhemah	RM10.00 satu malam bagi setiap tapak (terhad kepada empat orang)
2.	Kajian	RM200.00 bagi setiap kajian dan deposit RM500.00
3.	Penggambaran komersial/ dokumentari	RM100.00 sehari bagi setiap penggambaran
4.	Selam skuba	RM150.00 sebulan bagi setiap pengusaha
5.	Pelayaran/bermudik	RM100.00 sekali masuk bagi setiap kapal layar/kapal peranginan

JADUAL KETIGA
[Subperenggan 3(3)]

<i>Bil.</i>	<i>Kategori</i>	<i>Dokumen bagi Bukti Pengenalan Diri</i>
1.	Penduduk kampung bagi kemasukan ke tempat tinggalnya di suatu Taman Laut Malaysia	Kad pengenalan/perakuan kelahiran yang menunjukkan alamat tempat tinggalnya di suatu Taman Laut Malaysia
2.	Pegawai agensi Kerajaan Persekutuan/Negeri bagi kemasukan ke pejabatnya di suatu Taman Laut Malaysia	Dokumen pengenalan pejabat
3.	Pengusaha/pekerja tempat peranginan bagi kemasukan ke tempat kerjanya di suatu Taman Laut Malaysia	Pas yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah
4.	Pengusaha/pekerja selam skuba bagi kemasukan ke tempat kerjanya di suatu Taman Laut Malaysia	Pas yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah
5.	Pekerja/pengusaha apa-apa perniagaan/tred bagi kemasukan ke tempat perniagaannya/trednya di suatu Taman Laut Malaysia	Pas yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah
6.	Program biodiversiti marin berhubungan dengan tanggungjawab sosial korporat (CSR) yang dijalankan oleh agensi Kerajaan Persekutuan/Kerajaan Negeri/badan bukan kerajaan/entiti swasta/sektor swasta/sukarelawan	Surat kelulusan Ketua Pengarah
7.	Penyelidik yang menjalankan kajian untuk dan bagi pihak Ketua Pengarah	Surat kelulusan Ketua Pengarah